

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah nilai aset dan liabiliti serta prestasi perniagaan mengikut suku tahunan bagi syarikat-syarikat GLIC serta GLC iaitu Khazanah, MOF Inc., PNB, KWSP, KWAP, Tabung Haji dan LTAT bagi tempoh 2017 hingga data terkini tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya, tahun 2018 merupakan tahun yang amat mencabar yang menyaksikan pasaran seluruh dunia terjejas teruk akibat ketegangan geopolitik dan suasana pertumbuhan yang suram bagi pasaran baru muncul.
2. Di peringkat domestik pula, prospek pendapatan yang lemah, ketidaktentuan pasaran telah memberikan kesan negatif kepada beberapa Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) termasuk Khazanah Nasional Berhad (Khazanah).
3. Pada tahun 2018, nilai portfolio Khazanah yang diukur menerusi Nilai Bersih Dilaraskan (*Net Worth Adjusted*, NWA) merosot kepada RM91 bilion pada 31 Disember 2018, penurunan 21.6% daripada RM116 bilion pada 31 Disember 2017.

NO. SOALAN : 42

4. Dalam persekitaran yang mencabar ini, bagi memperbaiki kedudukan Khazanah, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk melaksanakan penstrukturan semula yang melibatkan perubahan kepimpinan dalam Lembaga Pengarah dan Pengurusan serta pengenalan mandat dan objektif yang baharu. Seterusnya, Khazanah telah melaksanakan penilaian semula semua pelaburannya bagi meletakkan Khazanah pada kedudukan yang lebih kukuh pada masa hadapan.

5. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Khazanah hanya melaporkan keputusan kewangan secara tahunan sahaja dan tidak mengikut suku tahun. Pelaporan ini diumumkan semasa Ulasan Tahunan Khazanah pada awal tahun dan seterusnya dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, selepas ianya diaudit dan disahkan oleh Lembaga Pengarah Khazanah. Jumlah aset Khazanah pada Tahun Kewangan (TK) 2018 adalah RM86.9 bilion berbanding RM92.6 bilion pada TK 2017 sementara jumlah liabiliti Khazanah pada TK 2018 pula adalah RM55.9 bilion berbanding RM51.2 bilion pada TK 2017.

Sekian, terima kasih.